

TM, UniSZA meterai perjanjian tingkat kapasiti Internet

Kuala Lumpur: Telekom Malaysia Bhd (TM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) memeterai perjanjian lima tahun untuk meningkatkan kapasiti Internet universiti dalam usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan untuk manfaat petugas akademik, tenaga kerja dan pelajar.

Menerusi perjanjian perkhidmatan yang ditandatangani baru-baru ini, TM akan menyediakan per-

khidmatan secara langsung Metro-E (DOME) pada kelajuan satu gigabit sesaat (Gbps) dan Rangkaian Internet Persendirian Maya (IPVPN) kepada UniSZA.

Naib Presiden TM bagi sektor kerajaan, Hamdan Ismail berkata, dengan sambungan bersepadau dan lebih pantas yang disediakan melalui DOME dan perkhidmatan IPVPN, UniSZA boleh menaikkan infrastruktur rangkaian Internet

nya, sekali gus meningkatkan lagi kecekapan operasi dan memperkaya pengalaman yang dinikmati oleh masyarakat kampus.

"Menerusi perkhidmatan ini, UniSZA menjadi pelanggan pertama TM di wilayah Pantai Timur yang diperuntukkan akses kelajuan Gbps, meletakkan UniSZA mendahului lain-lain institusi pengajian tinggi," katanya, semalam.

Hamdan dan Pengurus Besar

TM negeri Terengganu Hamidun Ismail menandatangani bagi pi-hak TM dan UniSZA pula oleh Naib Canselornya, Profesor Dr Yahaya Ibrahim serta Pengarah untuk Pusat Pengajian Teknologi Maklumat, Dr Zarina Mohamad.

Beliau berkata, menerusi sambungan Internet yang dipertingkat, UniSZA juga akan dapat berhubung dengan kampus lain dengan lebih laju dan efisien.